

BAB 7 KESIMPULAN

Usaha melahirkan lebih ramai peniaga dan usahawan Bumiputera yang berjaya sudah banyak dilakukan, terutama dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB yang tamat pada tahun 1991).

Tetapi, DEB masih gagal untuk mencapai matlamatnya mewujudkan 30 peratus penyertaan dan pemilikan Bumiputera dalam semua kegiatan ekonomi di negara ini. Peniaga Bumiputera masih belum terlepas daripada pelbagai masalah, kegagalan dan karenah perniagaan.

Kontraktor-kontraktor Bumiputera merupakan golongan usahawan yang menjalankan perniagaan dalam sektor binaan. Kesemua kontraktor-kontraktor yang dikaji menghadapi berbagai masalah-masalah seperti masalah tenaga pekerja, soal modal, bahan binaan, mutu pengurusan yang lemah, kurang pengalaman dan 'saingan' usahawan asing.

Responden-responden menyatakan bahawa mereka kurang didedahkan kepada sektor pembinaan kerana ini merupakan bidang yang agak baru bagi kaum Bumiputera.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka merupakan cabaran-cabaran yang agak baru dan mereka sedang berusaha dengan gigih untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Mereka banyak bergantung kepada pihak kerajaan untuk membantu mereka.

Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang ditemui terpaksa bersaing dengan kaum-kaum yang lain dalam bidang ini. Pengkaji mendapati mereka mempunyai banyak cadangan-cadangan yang berasas dan berdaya maju, tetapi ini belum cukup untuk menghadapi saingan daripada kaum asing.

Kaum asing ini sudah lama bertapak serta mempunyai rangkaian niaga yang luas. Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa kontraktor-kontraktor Bumiputera ini tidak suka untuk bekerjasama dengan bersungguh-sungguh antara satu sama lain. Ini kerana mereka takut peluang-peluang perniagaan mereka akan "dicuri" oleh syarikat-syarikat yang lain. Ini menyebabkan rangkaian rakan niaga mereka lemah dan tidak teratur.

Pengkaji mencadangkan agar mereka mengubah pandangan mereka ke suatu sikap yang lebih positif dan jujur. Ini amat penting supaya mereka dapat kejayaan dalam bidang pembekalan bahan-bahan binaan dan sumber modal.

Syarikat-syarikat kontraktor Bumiputera juga haruslah menyediakan insentif-insentif kepada ahli kakitangan syarikat, tidak kira kakitangan profesional atau buruh, untuk mengelakkan mereka daripada berhenti kerja atau membuka perniagaan sendiri.

Kontraktor-kontraktor Bumiputera sendiri patut menawarkan saham-saham syarikat kepada kakitangan mereka agar semangat "cintakan syarikat" akan wujud. Mereka juga akan bekerja dengan lebih rajin dan bertanggungjawab jika mereka mempunyai hak dalam syarikat tersebut.

Daripada kajian ini, didapati tidak ramai kontraktor ingin mewarisi pekerjaan mereka kepada anak-anak mereka. Mereka lebih suka jika anak-anak mereka menjadi seorang doktor, peguam atau jurutera.

Sebenarnya, kontraktor-kontraktor Bumiputera ini harus menjadi pelopor kepada syarikat-syarikat keluarga supaya masyarakat usahawan Bumiputera dapat berkembang. Disamping berusaha meningkatkan kedudukan sendiri, mereka boleh tunjuk-ajar selok-belok perniagaan pembinaan kepada anak-anak mereka. Mereka akan berjaya mendidik dan membimbing lebih ramai Bumiputera dalam bidang ini.

Sungguhpun kebanyakannya kontraktor tidaklah ditutup secara formal dalam bidang pumbinasan, namun pengkaji mendapati mereka tetap berjaya. Ini kerana hasil-usaha mereka yang gigih, kesedjahteraan mereka untuk belajar dan pengalaman mereka yang banyak. Seorang kontraktor yang berjaya bukanlah yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi tetapi yang mempunyai semangat yang kuat, berdedikasi, amanah, rajin dan berjaya mendapat peluang-peluang perniagaan yang ada.

Pengurusan yang cekap dapat menentukan sama ada sesebuah perniagaan boleh berjaya atau tidak. Responden-responden ini kebanyakannya mempunyai pengurusan yang boleh dianggap memuaskan. Syarikat-syarikat yang mempunyai mutu pengurusan yang lemah seharusnya menyedari bahawa ciri ini akan merugikan syarikat mereka dalam jangka panjang. Kajian ini juga mendapati bahawa masih ada di kalangan kontraktor-kontraktor yang ingin mencapai kehidupan "glamour" walaupun memang tidak berkemampuan. Kereta yang berjenama, rumah yang besar, semuanya merupakan suatu kebanggaan seolah-olah semua ini merupakan ukuran kejayaan. Sikap materialisme ini patut dikikiskan dengan segera.

Pengkaji mendapai bahawa kebanyakkan responden yang ditemui tidak mempunyai sifat ini. Smbaliknya mereka rajin, amanah, berdedikasi dan sentiasa cuba mencari peluang perniagaan yang baik. Mereka sedar bahawa kerajaan tidak boleh menolong mereka 100%; mereka harus juga berdedikasi dan bergerak maju dengan sendirinya.

Kerajaan memang sedang menolong golongan kontraktor Bumiputera, melalui khidmat nasihat bimbingan dan program-program kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Kerajaan juga memberi keistimewaan-keistimewaan yang khas bagi kontraktor Bumiputera. Antaranya ialah pendaftaran Kelas F yang dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera, taraf syarikat Bumiputera (untuk mengalakkan penyertaan Bumiputera) dan lain-lain.

Semuanya ini memang tidak menghapuskan langsung semua masalah-masalah kontraktor Bumiputera tetapi sedikit sebanyak dapat memberi faedah kepada mereka.

Kontraktor Bumiputera yang ada di negara ini harus meningkatkan kemampuan dan keupayaan mereka agar harapan Y.A.B. Perdana Menteri seperti ucapannya:-

"Kita hendak bukan sahaja kuantiti, tetapi kita
hendak juga kualiti iaitu kita hendak walaupun
sedikit, pemberong-pemberong Bumiputera, tetapi
yang sedikit ini adalah pemberong-pemberong yang
betul-betul cekap dan berjaya" tercapai.

-
1. Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia di Majlis Pembukaan Seminar Kontraktor-Kontraktor Bumiputera pada 15 Jun 1982 di Hotel Regent, Kuala Lumpur.